

Pelabur runcit perlu manfaatkan unit amanah

Oleh Norliza Abdullah


PELABUR individu yang melabur secara runcit perlu merebut peluang meraih pulangan lebih terjamin dalam unit amanah sementara menunggu keadaan ekonomi kembali pulih.

Timbalan Dekan Jabatan Pengajian Lanjutan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Shamsher Mohamad Ramadili, berkata keadaan ekonomi tidak menentu masih membuka peluang pelabur runcit meraih keuntungan walaupun pada pulangan kurang lumayan.

Katanya, walaupun keadaan ekonomi tidak stabil, pulangan untuk pelaburan dan pelbagai saham amanah masih berada pada tahap yang sungguh memuaskan.

Beliau berkata, dalam keadaan semasa, bukanlah masa yang sesuai untuk melabur dalam pasaran saham yang menyediakan pulangan yang lumayan tetapi risiko yang tinggi.

"Jika mereka masih terus dengan amalan sedemikian, pastikan masing-masing membuat kajian me-



**Prof Dr Shamsher
Mohamad Ramadili**

nganai sesuatu terbitan atau saham yang ditawarkan secara terperinci.

"Ia bagi mengelakkan daripada kerugian yang sebenarnya boleh dielakkan jika mereka mengambil langkah lebih berhati-hati sebelum masuki pasaran," katanya.

Dr Shamsher berkata demikian ke-

tika ditemui selepas syarahan sumbernya bertajuk "Pasaran Saham Baru: Cabaran, Kesilapan Jangkaan dan Campur Tangan Kawal Selia" di UPM, Serdang, kelmarin.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaei.

Dr Shamsher berkata, aliran kini melihat setiap tawaran awam permulaan (IPO) menawarkan saham di bawah harga bagi setiap syarikat yang bakal disenaraikan.

Namun disebabkan sentimen pasaran yang lemah kini, ia tidak menjamin perolehan yang diharap terutama bagi pelabur jangka pendek.

Katanya, pelaburan bukanlah aktiviti jangka pendek sebaliknya ia adalah aktiviti jangka panjang yang memerlukan kesabaran.

Tidak dinafikan pelabur masa kini adalah daripada golongan spekulator yang memasuki pasaran dalam tempoh yang singkat dengan harapan memaksimumkan keuntungan dari pada kenaikan harga.

Amalan seperti ini mungkin memberi pulangan kepada mereka tetapi ia hanya bersifat sementara kerana rasionalnya, pelabur jangka panjang

alah yang paling beruntung.

Kekurangan pengetahuan serta kajian terhadap sesuatu saham yang diterbitkan juga antara faktor pelabur tidak mendapat gambaran sebenar mengenai prestasi syarikat berkenaan.

Kekaburuan maklumat turut didorong oleh laporan yang tidak tepat daripada firma audit berhubung prestasi sesuatu syarikat yang hendak disenaraikan.

Keadaan itu memberi kesan yang sungguh besar, kerana laporan kewangan serta prestasi itu dijadikan kayu pengukur kepada pelabur.

Dr Shamsher berkata, kajian awal terhadap ketidaktepatan laporan firma audit terhadap sesuatu syarikat yang disenaraikan itu terbukti.

Beliau berkata, ada syarikat yang dilapor mencatatkan keuntungan dalam tempoh lima tahun berturut-turut sehingga disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Bagaimanapun, katanya dalam tempoh tidak beberapa tahun tersebut di BSKL, syarikat berkenaan dikategorikan sebagai syarikat bersalah kewangan.